

# PILIHAN RAYA KECIL N.20 SUNGAI LIMAU KEDAH DAN ISU-ISU KESELAMATAN AWAM: SATU ANALISIS<sup>1</sup>

**Ab. Rahman Haji Ismail**

## ABSTRACT

*It is a glaring fact that for the past 15 years the intensities of elections affairs in Malaysia not only attracted more scholars and political observers alike to pen down their personal intellectual analysis, but the complexities of the elections rubrics need a delicate analysis particularly with regards to the issues pertaining to public security matters. This article dealt with public security issues arises during elections campaign periods. Using the data collected during fieldwork of N.20 Sungai Limau recent by elections as well as the existing data within the wagon of elections records in Malaysia for the past fifteen years, this article analyzed among others the typology of public security issues championed by the political parties contested in the said elections; the mechanism used in displaying and portraying such security issues by parties involved in the elections; and to what extent that the said public security issues arises throughout the campaign periods had an ideological effects unto societal political behavior as well as public social relations solidarity. Based on participants observations method in gathering and digesting the said data, this articles argued that if public security issues posted during elections campaign are not carefully managed, it is very likely that in the near future elections affairs in Malaysia will be having beyond the principle of democratic ethics thus threatens the state of public stability and solidarity of Malaysia.*

**Keywords:** Elections affairs, issues pertaining to public security, social media

## Pendahuluan

Pilihan Raya Kecil (PRK) N.20 Sungai Limau, Kedah diadakan berikutan kematian Tan Sri Dr. Azizan Bin Abd Razak pada 26 September 2013. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang telah mengadakan mesyuaratnya pada TARikh 4 Oktober 2013 telah menetapkan PRK kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) N.20 Sungai Limau seperti berikut:

---

<sup>1</sup> Kajian ini melibatkan lima orang pegawai Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSUM), Kementerian Dalam Negeri diketuai penulis dan dianggotai oleh Adnan bin Atan, W. Husbi bin W. Mohd, Surayati binti Ibrahim dan Lia Asmizza binti Mohd. Redzuan. Perbincangan dan analisis yang terdapat di dalam artikel ini adalah berdasarkan data kutipan kerja lapangan dan pemerhatian yang telah dilakukan sepanjang tempoh berlangsungnya PRK N.20 Sungai Limau, Kedah.

- a. Hari Penamaan Calon : 23 Oktober 2013  
 b. Hari Mengundi : 4 November 2013.

Bagi menghadapi PRK ini, SPR telah menetapkan sebanyak 19 daerah mengundi dengan 17 tempat mengundi melibatkan beberapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan termasuk Sekolah Menengah Agama, Sekolah Kebangsaan dan satu di SRJK (C) Aik Min, Simpang 3. Keseluruhannya, PRK melibatkan sebanyak 56 saluran mengundi.

N.20 Sungai Limau terletak di kawasan P.012 Jerai. Kawasan Parlimen ini mengandungi tiga (3) DUN, iaitu N.20 Sungai Limau; N.21 Guar Chempedak; dan N.22 Gurun. Parlimen Jerai diwakili oleh Barisan Nasional (BN)/UMNO, Dato' Seri Jamil Khir Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Keputusan penuh PRU Ke-13 bagi kawasan Parlimen Jerai, Kedah adalah seperti di *Jadual 1* berikut:

Bil.	Nama Calon	Parti	Jumlah Undi	Keputusan
1.	Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharom	BN/ UMNO		32,429
2.	Mohd Firdaus Bin Jaafar	PAS		31,233
Jumlah pengundi berdaftar				: 74,410
Jumlah kertas undi ditolak				: 952
Jumlah kertas undi dalam peti undi				: 64,614
Jumlah kertas undi dikeluarkan				: 64,778
Jumlah kertas undi tidak dikembalikan				: 164
Peratusan pengundian				: 87.10%
Majoriti				: 1,196 undi

**Jadual 1: Keputusan PRU Ke-13 Bagi Kawasan Parlimen Jerai**  
 (Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya)

### Latar Belakang

Berdasarkan rekod, Pilihan Raya Umum (PRU) N.20 Sungai Limau merupakan kawasan yang dimenangi oleh Tan Sri Azizan Abd Razak, PAS sejak PRU Ke-11 pada tarikh 21 Mac 2004. Tatkala itu, Tan Sri Azizan

mengalahkan Dato' Sohaimi Abdullah, BN/UMNO dengan majoriti 1,080 undi. Tan Sri Azizan mendapat 10,882 undi (51.93 peratus), manakala Dato' Sohaimi Abdullah memperolehi 9,802 undi (46.78 peratus). Dalam pilihan raya ini, sebanyak 268 undi rosak dan seramai 20,952 daripada 24,820 pengundi berdaftar (84.41 peratus) keluar mengundi. Keputusan PRU Ke-11 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Calon	Parti	Jumlah Undi	Peratusan
1.	Dato' Sohaimi Abdullah <sup>2</sup>	BN/ UMNO		9,802 46.78%
2.	Tan Sri Azizan Abd Razak	PAS		10,882 51.93%
Jumlah pengundi berdaftar : 24,820 Jumlah keluar mengundi : 20,952 Jumlah undi rosak : 268 Majoriti : 1,080 undi				

### **Jadual 2: Keputusan PRU Ke-11 (21 Mac 2004)**

**(Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya)**

Semasa PRU Ke-12 tanggal 8 Mac 2008, inkumben, Tan Sri Azizan Abd Razak sekali lagi berjaya mengekalkan kerusi N.20 Sungai Limau. Tatkala itu, majoriti yang dimenangi turut bertambah kepada 3,212 undi. Saingannya, Bassori Abu Hassan<sup>3</sup> daripada BN/UMNO hanya mendapat 8,816 undi (41.72 peratus), berbanding Tan Sri Azizan yang mencatatkan 12,028 undi (56.92 peratus). Jumlah yang keluar mengundi adalah sebanyak 83.9 peratus dan jumlah undi rosak sebanyak 284 undi.

Semasa PRU Ke-13 berlangsung pada tarikh 5 Mei 2013, Tan Sri Azizan Abd Razak terus mengekalkan kawasan yang dimenanginya. Dalam pertandingan empat penjuru itu, mantan MB Kedah tersebut

<sup>2</sup> Dato' Sohaimi Abdullah merupakan bekas penyandang Ketua UMNO Bahagian Jerai. Beliau tewas semasa pemilihan UMNO Bahagian 2013 kepada Dato' Seri Jamil Khir Baharom.

<sup>3</sup> Bassori Abu Hassan merupakan Setiausaha Politik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir Baharom bermula 11 Julai 2013.

berjaya mendapat majoriti sebanyak 2,774 undi. Saingan terdekatnya, Haji Fadzilah Bin Mohd. Ali<sup>4</sup> daripada BN/UMNO memperoleh 10,520 undi (43.10 peratus), berbanding Tan Sri Azizan sebanyak 13,294 (54.47 peratus). Kedua-dua calon Bebas hilang wang pertaruhan. Keputusan penuh sila lihat di *Jadual 3*.

Bil.	Nama Calon	Parti		Jumlah Undi	Peratusan
1.	Haji Fadzilah Mohd Ali	BN/ UMNO		10,520	43.10%
2.	Tan Sri Ustaz Azizan Abd Razak	PAS		13,294	54.47%
3.	Abdullah Hashim@Lah 46	BEBAS		84	0.34%
4.	Sobri Ahmad	BEBAS		100	0.40%
Jumlah pengundi berdaftar				27,287	
Jumlah keluar mengundi				24,404	89.4%
Jumlah undi rosak				351	
Majoriti				<b>2,774 undi</b>	

**Jadual 3: Keputusan PRU Ke-13 ( 5 Mei 2013 )**  
**(Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya)**

N.20 Sungai Limau mempunyai penduduk seramai 43,658 orang. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 40,894 (93.67 peratus) terdiri daripada bangsa Melayu, manakala bakinya 4,272 orang (5.66 peratus) terdiri daripada kaum Cina dan India seramai 43 orang (0.09 peratus). Manakala etnik-etnik lain berjumlah 249 orang (0.57 peratus). Sementara pengundi berdaftar pula seramai 27,364 orang, termasuk 349 pengundi awal. Pecahan pengundi berdaftar seperti Jadual 4.

<sup>4</sup> Haji Fadzilah Mohd Ali merupakan seorang arkitek profesional yang banyak terlibat dengan projek dalam dan luar negara termasuk mereka bentuk Kompleks Sukan Nasional di Bukit Jalil. Beliau juga merupakan Penyelaras DUN Sungai Limau. Sila rujuk [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130416/px\\_93/PRU-13-Sepupu-lawan-Azizan-di-SungaiLimau](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130416/px_93/PRU-13-Sepupu-lawan-Azizan-di-SungaiLimau).

<b>Bangsa</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus (%)</b>
Melayu	25,455	93.02%
Cina	1,851	6.76%
India	16	0.06%
Bumiputera Sabah	2	0.01%
Bumiputera Sarawak	7	0.03%
Lain-Lain	33	0.12%
<b>Jumlah</b>	<b>27,364</b>	<b>100%</b>

**Jadual 4: Pecahan Pengundi Berdaftar**  
**(Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya)**

### Hari Penamaan Calon

Penamaan calon pada tarikh 23 Oktober 2013 diadakan di Dewan Datuk Madi, Yan, Kedah telah berjalan lancar tanpa sebarang insiden keselamatan yang tidak diingini. PRK kali ini menyaksikan pertandingan satu lawan satu di antara BN/UMNO dengan PAS. Calon BN telah menggunakan tema “BERANI HIJRAH”<sup>5</sup> dengan *tagline* “SL for SL”<sup>6</sup>; manakala PAS pula menagih undi simpati dengan slogan “KEKAL; Azam untuk Azizan”<sup>7</sup>.

 <b>CALON BN / UMNO</b>	Nama : Dr. Ahmad Sohaimi Bin Lazim <sup>8</sup>
	Umur : 52 Tahun
	Kelulusan : Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia (2008)

<sup>5</sup> “Berani Hijrah” membawa maksud meminta pengundi-pengundi di Sungai Limau beralih sokongan daripada PAS ke BN/UMNO.

<sup>6</sup> “SL for SL” adalah merupakan singkatan Suhaimi Lazim For Sungai Limau. *Tagline* ini dipercayai bertujuan memancing pengundi-pengundi muda terutamanya untuk menyokong BN/UMNO.

<sup>7</sup> Slogan “KEKAL ; Azam untuk Azizan” dipopularkan pihak PAS bertujuan menafikan tema BN/UMNO “BERANI BERHIJRAH”. Slogan ini bermaksud meminta pengundi-pengundi Sungai Limau mengekalkan kerusi yang dimiliki oleh PAS. Manakala, Azam untuk Azizan pula bertujuan memastikan legasi Tan Sri Azizan diteruskan oleh Mohd Azam Abd Samat.

<sup>8</sup> Sumber : <http://www.selatanonline.net/modules/pnp?name=News&file=article&sid=5263>.

Pengalaman Kerja - Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Universiti Perguruan Sultan Idris.

 <b>CALON PAS</b>	Nama : Ustaz Mohd Azam Abd Samat <sup>9</sup> Umur : 37 Tahun Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiyah, Universiti Al-Azhar, Mesir
Pengalaman Kerja - Penolong Kanan Ko-Kurikulum Di Sekolah Menengah Agama, An-Nahdzah, Bukit Besar, Yan, Kedah	
Jawatan Dalam Parti - Ketua Pemuda PAS Jerai, Exco Pemuda PAS Negeri Kedah Darul Aman dan Pengarah Jabatan Pasti PAS Kedah.	

### **Jadual 5: Profil Ringkas Calon-calon PRK N.20 Sungai Limau**

Daripada PRK N.20 Sungai Limau ini, terdapat sekurang-kurangnya tiga aspek menarik perhatian. Pertama, PRK kali ini merupakan yang kedua kalinya diadakan selepas PRU Ke-13. PRK pertama telah berlangsung pada tarikh 24 Julai 2013 melibatkan N.01 Kuala Besut, di Terengganu. Semasa PRK di N.01 Kuala Besut, calon BN/UMNO, Tengku Zaihan Bin Che Ku Abd Rahman berjaya mempertahankan kerusi yang dimiliki BN menewaskan calon PAS, Endot@Azlan bin Yusof dengan majoriti 2,592 undi. Kempen Pakatan Rakyat dengan “Slogan 16:16”<sup>10</sup> gagal mencapai matlamat. Kedua, PRK N.20 Sungai Limau diadakan akibat kematian calon PAS. Kemenangan atau kekalahan kedua belah pihak tidak memberi impak ketara terhadap kedudukan kerajaan di peringkat negeri. Walau bagaimanapun, satu perkara yang agak menarik tentang PRK kali ini yang disifatkan ramai pemerhati politik sebagai medan ujian kepada kepimpinan baru Kerajaan Kedah yang diterajui oleh Dato' Mukhriz Tun Dr. Mahathir. Dalam masa yang sama, PRK ini juga turut dilihat sebagai cabaran buat julung kalinya kepada kepimpinan peringkat Bahagian, Dato' Seri Jamil Khir Baharom. Semasa pemilihan

<sup>9</sup> Sumber : <http://omakkau.blogspot.com/2013/10/biodata-calon-paspr-pkr-n20-sg-limau.html>

<sup>10</sup> Slogan “16 : 16” sengaja dieksplorasi pihak PAS untuk mengelirukan pengundi-pengundi di kawasan DUN Kuala Besut. Kemungkinan menerusi slogan ini, PAS mengharapkan pengundi berpihak kepadanya untuk merampas Kerajaan Terengganu, pimpinan BN/UMNO. Berdasarkan jumlah keseluruhan DUN sebanyak 32 kerusi, kemenangan seimbang itu jika berlaku, diharap boleh mewujudkan situasi “DUN Tergantung”.

peringkat Bahagian yang berlangsung pada 18 Oktober 2013, Dato' Seri Jamil Khir Baharom menewaskan penyandang Dato' Mohd Suhaimi Bin Abdullah.

Ketiga, jangkaan pengeksplotasian Akta Pencegahan Jenayah (PCA)<sup>11</sup> 2013 yang diluluskan di peringkat Dewan Rakyat pada 3 Oktober 2013. Adalah ditaksirkan bahawa pertikaian PCA 2013 berjalan seiring dengan usaha-usaha pihak pembangkang untuk *discredit* kerajaan bersama-sama isu-isu keselamatan awam yang lain, termasuk manipulasi Laporan Audit Negara 2012, kenaikan harga minyak, kenaikan harga barang, isu syiah dan Bajet 2014. Isu kalimah Allah yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan pada 14 Oktober 2013 juga dijangka turut dikesploitasi oleh pihak pembangkang.

### **Pilihan Raya Kecil Sungai Limau dan Isu-Isu Keselamatan Awam**

Pengamatan mengenai isu-isu keselamatan awam di lapangan di antara 22 Oktober 2013 hingga 3 November 2013, mendapati bahawa isu Akta Pencegahan Jenayah 2013 (PCA 2013) hanya sekali dibangkitkan. Ini menggambarkan isu PCA 2013, tidak signifikan dengan PRK di Sungai Limau. Sehubungan itu, berdasarkan isu-isu yang dieksplotasi; terutama oleh pihak-pihak pembangkang, isu-isu yang ditonjolkan banyak berkisar kepada kenaikan harga minyak/barang, disusuli perlaksanaan *Goods and Services Tax (GST)*, rasuah, kalimah Allah, penyelewengan kerajaan, isu Bajet 2014, Laporan Audit Negara 2012 dan kenyataan YAB Timbalan Perdana Menteri mengenai isu gula. Pada keseluruhannya, sebahagian besar isu-isu yang ditonjol melibatkan usaha-usaha menjatuhkan kredibiliti kerajaan dan isu agama.

### **Isu Agama**

Dalam tempoh kajian, antara isu lain yang ditimbulkan adalah isu kalimah Allah<sup>12</sup>. Bagi PAS, rata-rata penceramah menyifatkan kalimah

<sup>11</sup> PCA 2013 adalah pindaan ke atas Akta Pencegahan Jenayah (PCA) 1959 bertujuan khas bagi memerangi jenayah terancang dan bukan hendak mengembalikan Ordinan Darurat 1969 mahupun Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 yang telah pun dimansuhkan.

<sup>12</sup> Mahkamah Rayuan yang bersidang pada 14 Oktober 2013 telah melarang penerbitan Mingguan Katolik Herald menggunakan kalimah Allah. Panel hakim yang diketuai oleh Datuk Seri Mohamed Apandi Ali, Hakim Mahkamah Persekutuan memberi alasan bahawa penggunaan nama Allah bukan sebahagian daripada kepercayaan dan merupakan amalan agama Kristian.


Allah boleh diguna pakai oleh penganut-penganut agama lain. Hakikatnya, meskipun PAS mungkin menyedari isu ini tidak popular di kalangan sebahagian besar pengundi-pengundi di N.20 Sungai Limau, namun kenyataan tersebut sengaja ditimbulkan untuk meraih sokongan masyarakat bukan Islam terhadap pembangkang. Oleh itu, bagi mengimbangi, sekaligus meraih sokongan masyarakat Islam, kempen PAS banyak menekankan perjuangan parti itu sebagai bersifat Islamik berbanding UMNO yang dianggap kurang memfokuskan kepada aspek-aspek agama. Sehubungan itu, pembentukan Negara Islam dan isu hudud telah menarik perhatian masyarakat tempatan.

### **Mengakis Kredibiliti Kerajaan**

Sepanjang pemerhatian, usaha-usaha pembangkang untuk mengakis kredibiliti kerajaan mendapat sambutan yang menggalakkan. Di antara isu-isu keselamatan awam yang menarik perhatian dieksplorasi menerusi kaedah ini termasuklah:

- a) Laporan Audit Negara 2012 – Pakatan Rakyat mendakwa berlaku ketidakcekapan dalam pentadbiran kerajaan Barisan Nasional. Mereka mendakwa ada di kalangan pakar ekonomi menafsirkan telah berlaku ketirisan bernilai RM 28 billion.
- b) Rasuah dan pembaziran – perbelanjaan kira-kira RM 70 juta untuk program 1Malaysia dianggap pembaziran dan menguntungkan pihak-pihak tertentu dalam BN.
- c) Bajet 2014 – membebangkan rakyat dengan pertambahan hutang Negara daripada RM 500 juta kepada RM 800 juta. Dalam masa yang sama, isu *Goods and Services Tax (GST)* diwar-warkan akan menindas golongan miskin yang terpaksa membayar cukai ke atas barang yang dibeli.
- d) Pemotongan Subsidi – Pembangkang mendakwa pemotongan tersebut turut membebangkan rakyat. Kenaikan harga minyak akan turut menyebabkan kenaikan harga barang-barang keperluan sehari-hari rakyat. Malah, BN itu dianggap “Barang Naik”. Secara sinis, pembangkang melontarkan kepada pengundi-pengundi bahawa inilah nilai harga sokongan rakyat kepada kerajaan BN.

- e) Kenyataan Timbalan Perdana Menteri mengenai isu gula – Kejujuran hasrat kerajaan supaya penggunaan gula di kalangan rakyat dikurangkan telah dimanipulasi pihak pembangkang dengan mengaitkan kes kencing manis Allahyarham Tan Sri Azizan Abd Razak.



**Carta 1: Isu-Isu Yang Dibangkitkan Pembangkang Ketika PRK N.20 Sungai Limau**

### Analisis Trend Isu-Isu Keselamatan Awam Di Media Sosial


Sepanjang tempoh masa kajian, pemantauan terhadap PRK N.20 Sungai Limau turut dilaksanakan menerusi laman media sosial. Pemantauan bertujuan untuk mengenal pasti saluran yang digunakan bagi menyebarkan isu-isu keselamatan awam yang boleh mengganggu gugat kelancaran kempen PRK tersebut. Media sosial terlibat adalah *Twitter*, *Facebook* dan *Blogspot/Web* seperti di Jadual 6 berikut:

TEMPOH	BIL.	SUMBER	ENJIN CARIAN / KEYWORDS	JUMLAH
SEBELUM PENAMAAN CALON	1.	WEBSITE (YOUTUBE)	UVRX GOOGLE / PRK SG LIMAU	17

<b>TEMPOH</b>	<b>BIL.</b>	<b>SUMBER</b>	<b>ENJIN CARIAN / KEYWORDS</b>	<b>JUMLAH</b>
SEBELUM PENAMAAN CALON	2.	TWITTER	UVRX GOOGLE / PRK SG LIMAU	60
	3.	FACEBOOK	UVRX GOOGLE / PRK SG LIMAU	97
	4.	FACEBOOK	UVRX GOOGLE / ISU KESELAMATAN PRK SG LIMAU	5
	5.	BLOGSPOT	SOCIAL MENTION/ PRK SG LIMAU	60
	6.	WEBSITE	SOCIAL MENTION/ PRK SG LIMAU	29
<b>JUMLAH</b>				<b>268</b>

### **Jadual 6: Pemantauan Media Sosial**

Berdasarkan tiga sumber media sosial yang membicarakan PRK Sungai Limau, laman sosial *Blogspot/Web* (termasuk *Youtube*) membuat catatan paling aktif dengan jumlah 106 daripada jumlah keseluruhan 268 respon (sila rujuk Jadual 6). Jaringan *Facebook* menduduki hirarki kedua dengan 102 respon. Lebih menarik perhatian apabila hanya laman ini yang menyentuh tentang isu-isu keselamatan awam. Ini bererti hanya lima (5) respon (1.8 peratus) yang menyebut hal keselamatan. Hal-hal itu meliputi kalimah Allah dan perkembangan insiden tembakan yang dilakukan oleh pengawal keselamatan di cawangan AmBank, USJ 2 Sentral, Subang Jaya, Selangor pada 23 Oktober 2013. Rata-rata respon mengesyorkan agar tapisan keselamatan terhadap pengawal-pengawal selain pengeluaran lesen keselamatan diperketatkan. *Twitter* pula di tempat paling bawah dengan catatan sebanyak 60 respon. Perbandingan respon rakyat sebelum dan selepas penamaan calon pula digambarkan di Carta 2.



**Carta 2: Rakyat Sebelum Dan Selepas Penamaan Calon**

Carta 2 menunjukkan bahawa hanya laman web *Youtube* sahaja yang membicarakan soal-soal PRK N.20 Sungai Limau sebelum Hari Penamaan Calon, yakni sebanyak 17 respon. Kelihatannya, respon mula meningkat selepas Hari Penamaan Calon iaitu pada 23 Oktober 2013. Dalam konteks itu, jumlah keseluruhan langganan mencatatkan sebanyak 251 respon. Berdasarkan kesemua laman sosial yang dikaji, *Facebook* mencatatkan hirarki respon tertinggi pada jumlah 102 respon. Ini diikuti *Blogspot/Web* sebanyak 89 dan ketiganya *Twitter* dengan 60 respon. Manakala laman *Youtube* tidak memberi sebarang respon. Ini mencerminkan selepas penamaan calon, *trend* penggunaan rangkaian *Facebook* diperhatikan lebih meluas berbanding *Blogspot/Web* dan *Twitter*.

### Keputusan PRK DUN N.20 Sungai Limau

Hari mengundi pada 4 November 2013 telah berlangsung lancar, walaupun tercetus suasana panas di beberapa lokasi Pusat Daerah Mengundi. Sebagaimana jangkaan ramai, calon PAS telah berjaya mempertahankan kemenangan di kawasan DUN tradisinya dengan majoriti undi yang lebih kecil, iaitu 1,084 berbanding 2,774 undi yang diperolehi Allahyarham Tan Sri Azizan semasa PRU Ke-13. Pada keseluruhannya, kadar pengundian mencecah 85.6 peratus, yakni menurun 3.7 peratus berbanding 89.3 peratus yang dicatatkan semasa PRU lepas. Keputusan penuh PRK Sungai Limau seperti di Jadual 7.

Bil.	Nama Calon	Parti	Jumlah Undi	Status
1.	Dr. Ahmad Suhaimi Lazim	BN/ UMNO		10,985
2.	Mohd. Azam Abd. Samat	PAS		12,069 MENANG
Jumlah pengundi berdaftar				: 27,222
Jumlah keluar mengundi				: 23,199
Jumlah undi rosak				: 145
Majoriti				: 1084 undi

**Jadual 7: Keputusan PRK N.20 Sungai Limau (4 November 2013)**  
**(Sumber: Utusan Malaysia bertarikh 5 November 2013)**

Keputusan PRK Sungai Limau mencatatkan beberapa perkembangan menarik perhatian keselamatan. **Pertama**, meskipun tewas, namun BN/UMNO berjaya mengurangkan majoriti yang diperolehi PAS sebanyak 1690 undi. Calon BN/UMNO boleh dikatakan “menang dalam kalah” kerana bukan setakat berjaya mengurangkan undi majoriti PAS, tetapi turut memperolehi peningkatan undi popular sebanyak 456 undi berbanding PAS merosot kepada 1,225 undi. Ini membuktikan kepimpinan Dato’ Mukhriz Tun Mahathir sejak menerajui Kedah selepas PRU Ke-13 telah mula diterima rakyat.

**Kedua**, selain faktor tradisi yang mengaitkan Sungai Limau sebagai di antara kawasan kuat PAS, kelihatannya isu-isu yang ditonjolkan pihak pembangkang lebih mendapat sokongan berbanding perkempenan BN/UMNO. Usaha-usaha menghakis keyakinan rakyat dengan isu-isu *discredit* kewibawaan kerajaan nampaknya mudah diterima oleh penduduk tempatan. Keadaan ini ditambah lagi dengan mentaliti penduduk yang kebanyakannya bersifat sederhana.

**Ketiga**, umumnya berdasarkan 19 Pusat Daerah Mengundi (tidak termasuk undi pos) BN/UMNO berupaya menang di 10 buah lokasi. Lokasi-lokasi terlibat ialah di Simpang Tiga Luar, Selengkoh, Sungai Daun, Sungai Limau, Kabu Sepuluh, Sungai Kering, Sedaka, Padang Lumat, Dulang Kechil dan Dulang Besar. Jika dibandingkan dengan

keputusan PRU Ke-13, kemenangan ini mencerminkan pertambahan sebanyak tiga (3) Pusat Daerah Mengundi berbanding sebelumnya yang hanya berjaya menawan tujuh (7) buah lokasi. Semasa PRU Ke-13, BN/UMNO tewas masing-masing di Pusat Daerah Mengundi Sungai Limau, Kabu Sepuluh, Sedaka dan Padang Lumat. Sebaliknya, kemenangan BN/UMNO di Pusat Daerah Mengundi Gelam Tiga semasa PRU Ke-13 gagal dipertahankan pada PRK kali ini.

## Kesimpulan

Berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan terhadap data berhubung dengan isu-isu keselamatan awam ketika berlangsungnya PRK N.20 Sg. Limau, Kedah, mendapati bahawa isu-isu keselamatan awam yang ditimbulkan sewaktu berlangsungnya PRK tersebut sekiranya tidak diurus atau ditangani secara bijaksana, mampu mengugat darjah kesepadan hubungan sosial di kalangan masyarakat atau rakyat Malaysia. Berdasarkan kepada *trend* kempen-kempen pilihan raya di Malaysia semenjak 15 tahun yang lepas, isu-isu kempen pilihan raya yang dikategorikan sebagai isu keselamatan awam didapati telah mendominasi ruang-minda kempen pilihan raya di Malaysia. Dalam konteks ini, khususnya berdasarkan kepada tahap literasi politik masyarakat Malaysia, kegagalan untuk mengenangkan isu-isu kempen yang bersifat keselamatan awam secara bijaksana oleh parti-parti politik yang terlibat bakal mengancam kesejahteraan masyarakat negara ini.

## BIBLIOGRAFI

Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (editor), 2013. *PRU13: Siapa Pilihan Pengundi*, Bangi: Institut Kajian Etnik [KITA], Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ghazali Mayudin, (penyunting), 2012. *Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan Dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

Wong Chin Huat & Soon Li Tsin (editor) 2012. *Democracy at Stake: Examining 16 By-Elections in Malaysia, 2008-2011*. Petaling Jaya: SIRD Publications.

Akhbar *Berita Harian* terbitan dari 28 Oktober 2013 hingga 4 November 2013

Akhbar *New Straits Times* terbitan dari Oktober 2013 hingga 4 November 2013

Akhbar *Harakah* terbitan dari 28 Oktober 2013 hingga November 2013

Akhbar *The STAR* terbitan dari 28 Oktober 2013 hingga 4 November 2013

Akhbar *ROKET* terbitan dari 28 Oktober 2013 hingga 4 November 2013.

(*Footnotes*)

- 1 Dato' Suhaimi Abdullah merupakan bekas penyandang Ketua UMNO Bahagian Jerai. Beliau tewas semasa pemilihan UMNO Bahagian 2013 kepada Dato' Seri Jamil Khir Baharom .
- 2 Sumber : <http://www.selatanonline.net/modules.php?name=News&file=article&sid=5263>,
- 3 Sumber : <http://omakkau.blogspot.com/2013/10/biodata-calon-paspr-prk-n20-sg-limau.html>